

**ANALISIS LINGUISTIK FORENSIK DALAM AKTIVITI ‘LOVE SCAM’.  
(FORENSIC LINGUISTIC ANALYSIS IN LOVE SCAM ACTIVITY.)**

**Siti Noridayu Abd. Nasir & Hazlina Abdul Halim.**  
*Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia.*

**Article History:**

**Received:** 17 Oktober 2024

**Accepted:** 23 Oktober 2024

**Published:** 31 December 2024

**ABSTRAK**

*Gejala ‘Love Scam’ semakin berleluasa dalam kalangan masyarakat di Malaysia. Zulkufli Ismail dan Azmi Aziz (2019) menjelaskan bahawa ancaman jenayah cinta siber merupakan masalah pandemik dalam kalangan pengguna media sosial di Malaysia. Fenomena ini berlaku kerana kepesatan teknologi tanpa sempadan yang membolehkan perhubungan secara atas talian tanpa sempadan merentasi dunia. Oleh itu, kajian dijalankan bertujuan mengenal pasti ujaran penjenayah siber dalam aktiviti Love Scam yang berlaku di Malaysia. Kemudian, membincangkan tujuan ujaran dari aspek psikolinguistik penjenayah siber dalam aktiviti Love Scam. Seterusnya, mencadangkan langkah bagi mengelakkan daripada penipuan Love Scam di laman sosial. Selain itu, kajian ini mengaplikasikan Teori Relevans untuk membincangkan ujaran berbentuk jenayah daripada data kajian. Kajian ini dilaksanakan melalui kaedah temubual dengan individu yang pernah dihubungi oleh penjenayah siber untuk tujuan Love Scam. Oleh yang demikian, subjek kajian memberikan sebanyak lima hasil ujaran daripada penjenayah siber Love Scam sebagai data kajian ini. Dapatan kajian memperlihatkan bahawa penjenayah siber Love Scam cenderung menggunakan pangkal ucapan memberi salam dan mengucapkan ‘Hai’ kepada perempuan yang dikenal pasti adalah rakyat Malaysia. Malah, penjenayah siber Love Scam tidak dapat menggunakan bahasa Melayu dengan baik dan cenderung menggunakan penterjemahan elektronik untuk berkomunikasi dalam bahasa Melayu. Selanjutnya, tujuan utama penjenayah siber Love Scam menjalankan aktiviti ini untuk mendapatkan kepercayaan melalui percintaan. Hal ini demikian kerana, kepercayaan penting bagi mendapatkan wang yang perlu dipindahkan ke akaun bank palsu. Adalah diharapkan kajian ini dapat memberikan manfaat kepada kaum wanita di Malaysia untuk lebih berhati-hati dengan sapaan daripada seseorang yang tidak dikenali. Malah, kajian ini dapat memberikan ruang bagi melaksanakan kajian akan datang untuk mengelakkan jenayah siber melibatkan Love Scam di seluruh dunia dapat dibanteras.*

**Kata kunci:** *jenayah siber, Love Scam, ujaran, Psikolinguistik, Teori Relevans*

**ABSTRACT**

*The phenomenon of ‘Love Scam’ are becoming more and over prevalent among the community at Malaysia. Zulkufli Ismail dan Azmi Aziz (2019) an explained that the threat of cyber love crime is a pandemic problem among social media users in Malaysia. This situation occurs because of the speed of borderless technology that enables online communication without borders across the world. Therefore, the study was conducted to identify the utterances of cyber criminals in the Love Scam activities that occurs at Malaysia. Then, discuss the purpose of speech from the psycholinguistic aspect of cyber criminals in Love Scam activities. Next, suggestion steps to avoid Love Scam fraud on social media. In addition, this study applies Relevance Theory to discuss crime shaped utterances from the research data. This study is carried out through interviews with individuals who have been contacted by cyber criminals*

*for the purpose of Love Scam. Therefore, the research subjects provided as many as five speech results from the Love Scam cyber criminals as the data of this study. Research findings show that Love Scam cyber criminals tend to using the base greetings and say 'Hai' to women identified as Malaysians. In fact, Love Scam cyber criminals cannot used Malay well and tend to used electronic translation to communicate in Malay. Further, the main purpose of Love Scam cyber criminals carry out this activity to gain trust through romance. This is because, trust is an important to get money that needs to be transferred to a fake bank account. It is hoped that this study giving benefit women in Malaysia to be more careful with greeting from strangers. In fact, this study can provide space to carry out future studies to prevent cyber criminals involving Love Scam around the world to be eradicated.*

**Keywords:** *cyber criminals, Love Scam, speech, psycholinguistic, Relevance Theory*

## **PENGENALAN**

Teknologi tanpa sempadan memudahkan komunikasi manusia untuk berhubung antara satu sama lain merentas sempadan dunia. Namun begitu, kemudahan teknologi perhubungan disalah guna oleh pihak yang tidak bertanggungjawab. Oleh yang demikian, interaksi sosial melalui laman sosial perlu lebih berhati-hati agar tidak berlaku sebarang penipuan. Salah satu laman sosial yang popular kepada masyarakat seluruh dunia untuk berhubung adalah *facebook*. Revi Marta (2015) menjelaskan antara jaringan media sosial yang paling popular adalah *facebook*. Tambah Revi Marta (2015) lagi *facebook* diciptakan oleh Marq Zuekenbeurg untuk menjalinkan komunikasi dengan semua manusia di seluruh dunia. Oleh yang demikian, *facebook* berupaya menghubungkan semua manusia tanpa sempadan untuk pelbagai tujuan. Revi Marta (2015) menyatakan juga bahawa *facebook* mampu menghubungkan seseorang dari satu negara dengan teman baharu atau berbeza negara. Maka, kewujudan *facebook* boleh memberikan impak yang positif dan negatif kepada pengguna daripada pelbagai aspek.

Selanjutnya, *facebook* menjadi pilihan untuk berhubung bagi melaksanakan jenayah siber oleh pihak yang tidak bertanggungjawab. Oleh itu, jenayah siber berlaku kerana kelonggaran dalam aspek tapisan data melalui akaun media sosial yang digunakan oleh setiap individu. Walau bagaimanapun, setiap individu perlu berhati-hati dalam memaparkan identiti diri untuk keselamatan. Nur Sarida Mohd Fuad @ Mohd Daud dan Ahmad Rizal Mohd Yusof (2022) menjelaskan perkembangan pesat dalam dunia digital telah meningkatkan kebergantungan kepada teknologi maklumat dan komunikasi yang membuka kepada risiko ancaman baharu iaitu jenayah siber. Maka, berlakunya masalah dalam mengekang jenayah siber yang boleh memberikan kesan buruk kepada masyarakat. Nur Sarida Mohd Fuad @ Mohd Daud dan Ahmad Rizal Mohd Yusof (2022) menyatakan juga jenayah siber memberikan suatu masalah baharu kepada masyarakat dan negara dan ianya menimbulkan kebimbangan kerana memberi kesan kepada pembangunan sosial dan ekonomi yang sangat kritikal.

Selepas itu, melalui jenayah siber yang semakin berleluasa tanpa dapat dikawal terdapat pelbagai cara untuk dilakukan oleh penjenayah untuk mendapatkan wang. Antaranya, adalah jenayah siber melibatkan *Love Scam*. Jenayah ini terjadi kerana sifat naluri manusia yang memerlukan kasih sayang serta cinta. Oleh yang demikian, *Love Scam* menjadi pilihan penjenayah siber untuk memerangkap mangsa yang terdiri daripada kaum wanita di Malaysia. Lazimnya, penjenayah siber yang melibatkan diri dalam *Love Scam* menggunakan identiti lelaki daripada Malaysia yang mempunyai kerjaya yang baik. Antara kerjaya pilihan yang menjadi identiti palsu penjenayah *Love Scam* adalah juruterbang, doktor, jurutera dan pewartawakan berjawatan tinggi. Lazimnya, penjenayah *Love Scam* membuka akaun palsu yang menggunakan gambar dan identiti palsu bagi memikat wanita.

Seterusnya, kajian ini membincangkan dengan lebih terperinci tentang fenomena *Love Scam* yang berlaku melalui ujaran yang digunakan oleh mereka. Hal ini demikian kerana, *Love Scam* telah mendatangkan

kerugian wang ringgit kepada kaum wanita di Malaysia yang telah terjerat dengan janji mereka. Walhal, penjenayah siber *Love Scam* tidak pernah bertemu dengan wanita yang telah dipikat oleh mereka. Tujuan utama penjenayah siber *Love Scam* hanya untuk mengaut untung daripada wang yang dipindahkan atas pelbagai alasan daripada wanita yang berjaya diperdaya oleh mereka. Oleh itu, pentingnya mengetahui dengan jelas ciri-ciri penjenayah siber *Love Scam* melalui penggunaan bahasa oleh mereka. Malah, cara penjenayah siber *Love Scam* dapat diketahui melalui penggunaan bahasa, sapaan dan aspek lain dalam linguistik yang melibatkan pemikiran mereka. Selain itu, pemikiran penjenayah siber *Love Scam* dapat diteliti melalui aspek psikolinguistik yang memperjelaskan tentang pemikiran melalui tingkah laku serta penggunaan bahasa mereka.

Maka, dalam menganalisis aspek jenayah siber melibatkan *Love Scam* perlunya mempunyai penelitian yang mendalam melibatkan linguistik manusia. Oleh yang demikian, jenayah siber dalam *Love Scam* merupakan cabang yang melibatkan linguistik terapan. Lazimnya, kes jenayah melibatkan elemen perbincangan dalam linguistik forensik yang membicarakan tentang bahasa dan hukum. Kity Karenisa (2019) menjelaskan gambaran tentang makna pertuturan berdasarkan analisis semantik dan pragmatik sebagai salah satu analisis dalam linguistik forensik merupakan salah satu pertimbangan yang dapat disumbangkan oleh linguistik dalam penegakan hukum. Oleh itu, linguistik forensik menganalisis tujuan dan sebab jenayah berlaku melalui bahasa pertuturan dan teks penulisan.

## **SOROTAN KAJIAN**

Kajian ini bersandarkan kepada kajian lepas yang hampir sama dalam aspek penggunaan metodologi, tujuan kajian dan cadangan setiap dapatan kajian lepas. Oleh yang demikian, bagi melaksanakan kajian ini maka kajian lepas tentang jenayah siber, linguistik forensik, psikolinguistik dan Teori Relavens dianalisis dalam bahagian ini. Hal ini demikian kerana, kajian lepas memberikan ruang kajian untuk pelaksanaan kajian ini bagi mengupas tentang analisis linguistik forensik dalam jenayah siber *Love Scam* yang berlaku di Malaysia.

### ***Jenayah Siber***

Khairul Azhar Meerangani *et.al*, (2019) menjalankan kajian tentang elemen Al-Hirz dengan kedudukannya dalam jenayah siber. Tujuan kajian dilaksanakan untuk melihat elemen Al-Hirz melalui situasi jenayah siber yang berlaku. Jenayah siber yang berlaku adalah pengodaman, penipuan siber, pencerobohan maklumat, kecurian data, pemalsuan kad akaun bank, pemalsuan kad kredit dan pemindahan wang secara haram. Keputusan kajian ini menunjukkan melalui perspektif Islam melibatkan elemen Al-Hirz atau tempat simpanan harta menjadi elemen utama. Oleh yang demikian, penilaian terhadap kedudukan elemen Al-Hirz dalam jenayah siber melibatkan jenayah mencuri dan sabitan hukuman dalam Islam.

Muhammad Adnan Pitchan dan Siti Zobidah Omar (2019) menjalankan kajian tentang dasar keselamatan siber di Malaysia melalui tinjauan terhadap kesedaran netizen tentang perundangan. Kajian dilaksanakan bagi mengetahui kesedaran responden tentang kewujudan perundangan siber dengan menganalisis pelaksanaan undang-undang dalam ancaman keselamatan siber di Malaysia. Selain itu, kajian mengaplikasikan pendekatan kualitatif secara temu bual dan analisis dokumen dalam dapatan kajian ini. Seramai 35 orang responden sebagai pengguna media sosial dan enam orang pegawai kerajaan terlibat untuk proses dapatan kajian. Dapatan kajian memperlihatkan bahawa undang-undang siber boleh diaplikasikan bagi mengatasi masalah dalam ancaman siber melalui Akta Komunikasi dan Multimedia 1998, Akta Perlindungan Pengguna 1999 (Pindaan 2010), Akta Data Peribadi 2010, Akta Perdagangan Elektronik 2006 dan Akta Jenayah Komputer 1997.

Muhamad Asyraf Ahmad Termimi *et.al*, (2013) menjalankan kajian tentang jenayah siber melalui pengelasan antara Al-Jaraim dan Al-Jina'i dalam sistem perundangan Islam. Kajian dijalankan untuk mengenal pasti bentuk jenayah siber yang terjadi dalam masyarakat yang menggunakan medium siber dengan melihat kepada akibat serta kesan terhadap penggunaannya. Selain itu, kajian ini melihat jenayah mengikut kategori dalam sistem perundangan Islam dan menentukan kedudukan jenayah tersebut dari segi undang-undang dan hukum Islam. Keputusan kajian memperlihatkan bahawa jenayah siber dalam sistem perundangan Islam dibezakan melalui bentuk peruntukan undang-undang, impak juga tindakan.

### ***Linguistik Forensik***

Frans Asisi Datang (2020) menjalankan kajian tentang perspektif sejarah dalam linguistik forensik. Tujuan kajian dijalankan untuk mengenal pasti kes jenayah berkaitan aspek sejarah mengenai linguistik forensik. Kajian ini memperjelaskan tentang kes jenayah berkaitan pemalsuan dokumen. Keputusan kajian memperlihatkan aspek sejarah bahasa dalam perubahan bahasa adalah perkara yang tidak dapat ditolak dan wajar. Oleh itu, bagi membuktikan berlakunya pemalsuan dokumen proses analisis dokumen menjadi bahan bukti dari aspek perkembangan dan sejarah. Terdapat empat aspek yang dianalisis seperti morfologi, ejaan, kalimat dan diksi dalam pengesahan pemalsuan atau tidak terhadap dokumen yang menjadi bahan bukti.

Susanto dan Deri Sis Nanda (2020) menjalankan kajian tentang dimensi dalam analisis bahasa melalui linguistik forensik. Tujuan kajian dilaksanakan untuk membincangkan aspek dimensi dalam analisis bahasa melalui linguistik forensik. Selain itu, perbincangan analisis ini adalah berdasarkan aspek tulisan dan lisan. Kajian dilaksanakan secara deskriptif dengan memfokuskan kepada analisis bahasa dalam linguistik forensik. Dapatan kajian memperlihatkan dimensi analisis bahasa dalam linguistik forensik adalah dari segi perbandingan, pengukuran dan perbezaan. Melalui kajian juga menunjukkan linguistik forensik adalah ilmu dalam linguistik terapan yang merangkumi kepentingan hukum, wacana, semantik, leksikogramatika, fonologi dan fonetik.

Casim *et.al*, (2019) menjalankan kajian berkaitan linguistik forensik tentang ujaran 'Bau Ikan Masin' oleh Galin Ginanjar terhadap Fairuz A. Rafiq. Kajian dilaksanakan dengan tujuan menyelidik ujaran 'Bau Ikan Masin' yang diujarkan oleh Galih Ginanjar kepada Fairuz A. Rafiq dari aspek linguistik forensik dengan perundangan. Selain itu, analisis linguistik forensik ini menganalisis ujaran dari aspek semantik dan pragmatik. Alat kajian bagi pengumpulan data adalah daripada penulisan di media sosial dan rakaman video. Keputusan kajian memperlihatkan ujaran 'Bau Ikan Masin' tergolong dalam pelanggaran perundangan di Indonesia berkenaan nama baik. Kemudian, dari aspek semantik pula memperlihatkan ujaran 'Bau Ikan Masin' mempunyai makna yang tidak baik. Kajian juga menemui dari aspek pragmatik tentang 'Bau Ikan Masin' adalah sesuatu yang tidak baik kepada seseorang wanita.

### ***Psikolinguistik***

Rujiah Muhin dan Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff (2021) menjalankan kajian berkaitan peranan teori psikolinguistik dalam pembelajaran serta pendidikan bahasa Arab. Kajian dijalankan bagi mengenal pasti tentang teori psikolinguistik dan peranan dalam teknik pembelajaran bahasa. Selain itu, bertujuan melihat strategi pembelajaran bahasa melalui aspek psikolinguistik. Kajian dilaksanakan secara kualitatif melalui analisis dokumen secara tematik untuk menjelaskan peranan psikolinguistik dalam pembelajaran bahasa. Keputusan kajian memperlihatkan terdapat sebanyak empat teori psikolinguistik melibatkan pembelajaran yang menjadi dasar utama dalam pembelajaran bahasa. Antaranya adalah teori perkembangan bahasa, teori konstruktivisme, teori kognitif dan teori behaviorisme. Malah, aplikasi penggunaan teori yang sesuai dapat membantu meningkatkan kualiti pembelajaran di dalam kelas.

Izan Mohd Yusoff *et.al*, (2020) menjalankan kajian tentang psikolinguistik dalam pembelajaran bahasa dan hubungannya dengan pembelajaran bahasa Arab. Kajian dijalankan bagi membincangkan tentang aspek psikolinguistik dan kepentingannya dalam pendidikan bahasa. Malah, kajian melihat aspek pengajaran bahasa kedua dengan pemerolehan bahasa pertama melalui perbezaan kaedah dan strategi. Kajian memperlihatkan aspek psikolinguistik mempunyai kaitan dalam perkembangan pemerolehan serta pembelajaran bahasa kedua. Selain itu, psikolinguistik adalah bidang yang penting dalam pembelajaran bahasa yang merupakan gabungan antara aspek psikologi manusia dan linguistik. Oleh itu, psikolinguistik adalah bidang yang mengkaji tentang bahasa yang tersusun dan mempunyai unsur tatabahasa dalam melihat hubungan otak juga tingkah laku manusia.

Norita Purba (2018) menjalankan kajian tentang peranan psikolinguistik dalam pembelajaran dan pengajaran bahasa. Psikolinguistik berfungsi untuk melihat hasil pemerolehan bahasa dan memahami bahasa dalam bentuk lisan dan tulisan. Pendekatan psikolinguistik melihat pembelajaran bahasa sebagai proses kognitif individu dalam dimensi sosial. Oleh yang demikian, kaedah dalam pendekatan psikologi adalah secara semula jadi dan tindak balas fizikal dalam pemerolehan bahasa ibunda atau bahasa pertama. Maka, proses psikolinguistik berfungsi dalam pemerolehan bahasa pertama, mempelajari bahasa kedua, mempersepsikan bahasa dan menghasilkan bahasa. Selain itu, persepsi bahasa adalah daripada kaedah mendengar dan membaca. Manakala, proses penghasilan bahasa merujuk kepada penulisan dan ujaran bahasa. Malah, dalam psikolinguistik juga melibatkan empat kemahiran dalam proses menulis, bertutur, mendengar dan membaca.

### ***Teori Relevans***

Mary Fatimah Subet (2018) menjalankan kajian tentang metafora melalui analisis Teori Relevans. Tujuan kajian dilaksanakan bagi mengetahui gaya bahasa metafora untuk menganalisis bagi mencari makna yang tepat. Pelaksanaan kajian menggunakan analisis dokumen berdasarkan teori relevans oleh Sperber dan Wilson dalam aspek pragmatik. Selain itu, lima gaya bahasa metafora dalam lima puisi Usman Awang diaplikasikan sebagai data kajian. Dapatan kajian memperlihatkan bahawa teori relevans berupaya membantu kefahaman dalam makna sebenar puisi. Malah, dalam kajian juga terdapat leksikal jenis bahasa figuratif membantu pengesanan makna yang tepat. Oleh yang demikian, leksikal dan baris mempunyai peranan dalam konsep ad hoc yang dibina untuk mengukuhkan pemahaman pendengar.

Amirah Ahmad dan Nor Hashimah Jalaluddin (2013) menjalankan kajian tentang analisis Teori Relevans dengan kes pembunuhan Noritta. Kajian dilaksanakan untuk membincangkan kes perbicaraan pembunuhan Noritta yang melibatkan Hanif Basri sebagai tertuduh. Dalam teori ini aspek semantik dan pragmatik dalam melengkapkan makna diaplikasikan bagi mentafsir komunikasi dalam prosiding mahkamah. Analisis melibatkan ujaran implikatur dalam perbicaraan kes tersebut. Namun begitu, mahkamah menetapkan keperluan makna dan kebenaran yang jelas untuk mengelakkan keraguan dalam kes tersebut. Walau bagaimanapun, ujaran implisit dalam soal jawab perlu diperhalusi dengan lebih mendalam dalam mendapatkan kebenaran dalam kenyataan kes pembunuhan Noritta. Malah, kajian menunjukkan bahawa peguam defendan telah berjaya menimbulkan keraguan munasabah yang menyebabkan Hanif Basri selaku tertuduh dilepaskan daripada hukuman mati.

Nor Hashimah Jalaluddin dan Norsimah Mat Awal (2006) menjalankan kajian tentang citra lelaki pada zaman dahulu dan kini melalui analisis Teori Relevans. Kajian dilaksanakan dengan tujuan untuk melihat citra lelaki Melayu dalam analisis Teori Relevans melalui novel serta filem Melayu bagi menyokong persepsi citra lelaki Melayu. Selain itu, kajian mengaplikasikan implikatur dan eksplikatur bagi meneliti keperibadian lelaki Melayu melalui pemahaman dalam bacaan juga tontonan. Keputusan kajian memperlihatkan bahawa lelaki Melayu dalam budaya adalah sama dari aspek perwatakan yang

mempunyai nafsu yang tinggi serta berkuasa. Malah, lelaki Melayu digambarkan sebagai individu yang bijak menyesuaikan diri dengan keadaan dan baik hati.

Konklusinya, kajian lepas daripada Khairul Azhar Meerangani *et.al*, (2019), Muhammad Adnan Pitchan dan Siti Zobidah Omar (2019) dan Muhamad Asyraf Ahmad Termimi *et.al*, (2013) signifikan dengan kajian ini dalam mengenal pasti jenayah siber melibatkan *Love Scam*. Kemudian, kajian oleh Frans Asisi Datang (2020), Susanto dan Deri Sis Nanda (2020) dan Casim *et.al*, (2019) signifikan dalam melaksanakan analisis berkaitan linguistik forensik dalam ujaran teks daripada penjenayah siber *Love Scam*. Selanjutnya, kajian daripada Rujiah Muhin dan Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff (2021), Izan Mohd Yusoff *et.al*, (2020) dan Norita Purba (2018) signifikan dalam kajian psikolinguistik melibatkan pemikiran, tingkah laku dan linguistik penjenayah siber *Love Scam*. Akhir sekali, kajian daripada Mary Fatimah Subet (2018), Amirah Ahmad dan Nor Hashimah Jalaluddin (2013) dan Nor Hashimah Jalaluddin dan Norsimah Mat Awal (2006) signifikan dengan aplikasi Teori Relevans untuk menganalisis aspek linguistik penjenayah siber *Love Scam* dalam komunikasi bertulis.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Proses pelaksanaan kajian memerlukan rangka awal yang disediakan dalam metodologi kajian. Oleh yang demikian, metodologi kajian terdapat kaedah kajian, alat kajian, persoalan kajian, objektif kajian, batasan kajian, kepentingan kajian dan teori kajian yang diaplikasikan. Oleh yang demikian, maka pengukuhan yang mantap dalam metodologi memberikan keesahan yang baik dan tersusun dalam perjalanan kajian ini.

### *Kaedah Kajian*

Kajian ini dilaksanakan dengan kaedah kualitatif dengan melihat secara mendalam teks perbualan yang berlaku untuk analisis data. Kamarul Azmi Jasmi (2012) menjelaskan data kualitatif ialah dalam bentuk temu bual, pemerhatian, dan analisis dokumen. Malah, dalam kajian ini data dianalisis melalui hasil temu bual dan catatan daripada pengalaman serta bukti perbualan antara subjek juga penjenayah siber *Love Scam*. Kamarul Azmi Jasmi (2012) menyatakan bahawa nota lapangan dan diari pengkaji merupakan penyokong utama dalam mengesahkan kerja lapangan yang dijalankan dalam kajian kualitatif. Selain itu, pelaksanaan kajian ini juga berdasarkan rujukan kepustakaan yang menggunakan buku akademik, artikel jurnal, kertas persidangan ilmiah, nota akademik dan bahan lain yang sesuai sebagai rujukan sokongan. Rujukan bertujuan memperkuatkan lagi kenyataan dan dapatan kajian oleh penyelidik. Malah, rujukan akademik yang sahih bertujuan memberikan keesahan dalam sesuatu penyelidikan ilmiah.

### *Alat Kajian*

Kajian ini dijalankan melalui hasil temu bual bersama mangsa jenayah siber *Love Scam* yang merupakan seorang wanita berusia 36 tahun. Sebanyak lima ujaran dalam komunikasi yang terjadi antara penjenayah siber *Love Scam* dan subjek dijadikan sebagai data kajian dalam bentuk teks dan sumber primer. Soal selidik dalam bentuk temu bual dilaksanakan bagi membantu mengukuhkan lagi kenyataan dalam kes *Love Scam*.

### *Persoalan Kajian*

Kajian dilaksanakan melalui tiga persoalan kajian untuk proses analisis data, iaitu:

Apakah ujaran oleh penjenayah siber dalam aktiviti *Love Scam* yang berlaku di Malaysia.

- i. Apakah tujuan ujaran dari aspek psikolinguistik penjenayah siber *Love Scam*.
- ii. Apakah cadangan langkah bagi mengelakkan daripada penipuan *Love Scam* di laman sosial.

### **Objektif Kajian**

Kajian dilaksanakan dengan bersandarkan kepada tiga objektif kajian untuk menganalisis data, iaitu:

- i. Mengetahui isi ujaran oleh penjenayah siber dalam aktiviti *Love Scam* yang berlaku di Malaysia.
- ii. Membincangkan tujuan ujaran dari aspek psikolinguistik penjenayah siber *Love Scam*.
- iii. Mencadangkan langkah bagi mengelakkan daripada penipuan *Love Scam* di laman sosial.

### **Batasan Kajian**

Kajian ini dibataskan kepada empat aspek utama dengan justifikasi yang ditetapkan sepanjang prosedur kajian dijalankan, iaitu:

- i. Pertama, kajian ini dibataskan kepada lima sahaja teks ujaran dalam komunikasi bagi analisis data kajian. Hal ini kerana, lima teks tersebut telah dipilih untuk mewakili teks lain yang hampir sama dalam isi ujaran yang berlaku.
- ii. Kedua, kajian ini dilimitasi oleh satu jenis kes penipuan siber sahaja dengan memberikan fokus kepada kes *Love Scam*. Hal ini demikian kerana, kes jenayah siber melibatkan *Love Scam* memberikan kesan buruk terhadap wanita di Malaysia yang boleh menyebabkan berlakunya kerugian wang.
- iii. Ketiga, kajian dihadkan kepada mangsa wanita yang tinggal di Malaysia sahaja. Hal ini kerana, kajian ini melibatkan penggunaan bahasa dalam ujaran untuk analisis data. Malah, bertujuan melihat cara pendekatan ujaran yang digunakan kepada wanita di Malaysia semasa penjenayah mula mendekati mangsa melalui media sosial.
- iv. Keempat, kajian dihadkan kepada media sosial facebook sahaja bagi memberikan fokus kajian kepada satu jenis medium komunikasi di laman sosial untuk penjenayah dan mangsa memulakan perhubungan melibatkan ujaran bahasa.

### **Kepentingan Kajian**

Kajian ini didasarkan kepada tiga kepentingan tertentu kepada individu yang terlibat, iaitu:

- i. Pertama, kajian ini penting kepada wanita di Malaysia supaya lebih berhati-hati dan jelas dengan cara ujaran pembuka kata untuk berkenalan dan memulakan perhubungan melalui medium media sosial.
- ii. Kedua, kajian ini penting kepada pihak berwajib untuk mengekang kes jenayah siber melibatkan *Love Scam* agar tidak berleluasa dan dapat melindungi wanita daripada diperdaya oleh penjenayah siber yang tidak bertanggungjawab ini.
- iii. Ketiga, kajian ini penting kepada penyelidik untuk menjalankan kajian secara berterusan tentang keburukan, kesan dan akibat daripada penipuan melibatkan penjenayah siber *Love Scam*.

### **Teori Kajian**

#### **Teori Relevans**

Bagi menganalisis teks penjenayah maka teori relevans dilihat bertepatan dengan kajian ini. Malah, kajian berkaitan jenayah ini bersifat penyelidikan yang saintifik dan pelaksanaan yang mendalam bagi menganalisis dari aspek eksplisit dan implisit. Hal ini demikian kerana, makna eksplisit mempunyai hubungan dengan implisit dalam ujaran melibatkan bahasa manusia. Amirah Ahmad dan Nor Hashimah Jalaluddin (2013) menjelaskan teori relevans sebagai sesuatu kajian linguistik dianggap sebagai saintifik jika mampu memenuhi tiga ciri, iaitu kepadaan memerhati, menghurai dan menjelaskan fenomena berdasarkan teori yang sesuai. Selain itu, maksud dalam sesuatu kenyataan eksplisit menunjukkan makna dalam praandaian dalam sesuatu situasi. Amirah Ahmad dan Nor Hashimah Jalaluddin (2013) menjelaskan kenyataan yang eksplisit biasanya mempamerkan makna praandaian. Oleh yang demikian, hasil ujaran dalam komunikasi merupakan praandaian yang menjadi maklumat penting dalam analisis data kajian. Amirah Ahmad dan Nor Hashimah Jalaluddin (2013) menjelaskan ujaran verbal

mengandungi maklumat tidak terucap yang dinamakan sebagai maklumat asas dan bersifat eksplisit. Amirah Ahmad dan Nor Hashimah Jalaluddin (2013) menambah lagi di sebalik ujaran eksplisit, munculnya makna implisit yang dapat juga dinamakan implikatur. Hal ini menunjukkan, maksud daripada eksplisit yang menghadirkan implisit bertujuan mendapatkan maklumat secara teliti yang dinamakan sebagai implikatur. Amirah Ahmad dan Nor Hashimah Jalaluddin (2013) menyatakan semua ujaran perlu ada maklumat asas ini untuk mencungkil maklumat implikatur yang tidak dilahirkan dengan nyata. Dalam teori relevans diterapkan kepentingan utama bagi analisis sesuatu teks atau ujaran adalah praandaian. Oleh itu, tujuan aplikasi teori relevans bertujuan mencari makna yang tersembunyi dengan andaian daripada kesam implikatur melibatkan proses bahasa manusia.

## **DAPATAN KAJIAN**

Hasil dapatan kajian dibincangkan dalam bahagian ini. Oleh yang demikian, bahagian ini dipecahkan kepada tiga bahagian mengikut objektif kajian yang telah digariskan dalam metodologi kajian. Data kajian diperoleh daripada subjek kajian yang pernah dihubungi melalui aplikasi *facebook* oleh penjenayah siber *Love Scam* untuk berkenalan. Hal ini demikian kerana, aktiviti *Love Scam* membawa impak negatif kepada kaum wanita. Malah, kegiatan ini merupakan jenayah siber yang membawa bahaya kepada orang awam di seluruh dunia. Menurut laporan daripada Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Komersil (JSJK) Bukit Aman Datuk Seri Ramli Mohamed Yoosuf yang diterbitkan dalam Infografik Bernama pada 12 Julai 2023 menyatakan sebanyak RM382 Juta kerugian direkodkan angkara *Love Scam* sejak 2018 hingga Jun 2023. Dalam kes *Love Scam* penipuan kepada kaum lelaki hanya 17.2% atau 1,297 kes sahaja. Berbanding kes penipuan kaum wanita sebanyak 82.8% dengan angka sebanyak 6,251 kes dilaporkan. Golongan ibu tunggal dan bujang menjadi sasaran penjenayah siber sebagai mangsa mereka.

*Mengenal pasti ujaran oleh penjenayah siber dalam aktiviti Love Scam yang berlaku di Malaysia.*

Bagi menjawab objektif kajian pertama maka lima jenis ujaran daripada subjek kajian dibincangkan. Penggunaan bahasa Inggeris oleh penjenayah siber *Love Scam* diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu. Hal ini demikian kerana, dipercayai dalang kepada aktiviti jenayah *Love Scam* adalah bukan dalam kalangan orang tempatan di Malaysia. Mereka menggunakan identiti lelaki tempatan yang mempunyai jawatan tinggi dalam kerjaya. Malah, lelaki yang mempunyai kerjaya profesional seperti juruterbang, doktor perubatan dan jurutera menjadi pilihan penjenayah siber sebagai identiti palsu mereka bagi memikat kaum wanita di Malaysia.

### **i. Panggilan Mesra sebagai Kekasih**

Ujaran perkataan dalam ayat (*Beautiful / Hi baby / Ok dear / Thanks darling / Hello my love / I miss you*) diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu sebagai (*Cantik / Hi sayang / Ok sayang / Terima kasih kekasih / Hello sayang saya / Saya rindu awak*) merupakan sistem panggilan yang digunakan bagi memancing, mengambil hati dan memikat wanita agar tertatik hati, menerima dan mempercayai mereka.

Andaian Implikatur:

Oleh itu, andaian implikatur yang dapat dikenal pasti dalam penggunaan panggilan ayat mesra sebagai seseorang yang istimewa. Melalui panggilan yang mesra dapat melembutkan hati wanita yang dipikat oleh penjenayah. Malah, panggilan romantis oleh penjenayah bertujuan mendapatkan kepercayaan dan keyakinan bahawa mereka benar-benar mencintai.



**Kesimpulan Implikatur:**

Maka, panggilan manja bertujuan mencairkan hati wanita. Hal ini demikian kerana, wanita mudah terpengaruh dan menerima pujukan lelaki yang menggunakan perkataan manja dan lembut. Malah, penjenayah menggunakan pendekatan cinta bagi mendapatkan kepercayaan.

ii. Meminta Nombor Akaun Bank Tempatan

Selain itu, penjenayah siber *Love Scam* juga mendekati wanita melalui cinta bagi mendapatkan nombor akaun bank untuk menjadi keldai mereka sebagai akaun pengantara untuk memindahkan wang hasil penipuan mereka. Antara ayat yang digunakan adalah (*It was one of my friend, I called to request an account*) yang diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu sebagai (*Ia adalah salah seorang rakan saya, saya menelefon untuk meminta akaun*).

**Andaian Implikatur:**

Selanjutnya, kenyataan penjenayah siber *Love Scam* cuba meminta belas kasihan daripada mangsa yang dikenali sebagai kekasih maya bagi mendengar masalahnya yang memerlukan nombor akaun. Lazimnya, nombor akaun pemilik warganegara Malaysia diperlukan untuk memindahkan wang hasil daripada aktiviti haram atau jenayah penipuan wang. Malah, penjenayah siber mendekati wanita dengan cinta dan kasih sayang juga salah satunya untuk mendapatkan nombor akaun bank yang sah bagi tujuan menjadi keldai.

**Kesimpulan Implikatur:**

Kepercayaan yang didapati daripada penjenayah siber bertujuan mendapatkan bantuan untuk menggunakan nombor akaun yang sah di Malaysia dalam memindahkan wang. Oleh yang demikian, ayat ujaran memperlihatkan kepercayaan yang ingin dicapai daripada wanita yang dipikat.

iii. Memberikan Janji Manis

Selepas itu, penjenayah siber *Love Scam* juga cenderung menggunakan ujaran dengan memberikan janji manis kepada mangsa wanita. Ujaran ayat yang digunakan seperti (*Then when I get married, am taking my wife back to London*) yang diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu sebagai (*Kemudian, bila saya berkahwin, saya akan membawa isteri saya untuk pulang ke London*).

**Andaian Implikatur:**

Selanjutnya, penjenayah siber *Love Scam* cenderung memberikan janji manis kepada mangsa wanita yang telah percaya kepada mereka. Malah, jika hati mangsa wanita telah berjaya dipikat maka lebih memudahkan mereka mendapatkan wang dengan memberikan janji manis untuk berkahwin. Lokasi London dipilih oleh penjenayah siber kerana merupakan lokasi terkenal di seluruh dunia dan menjadi lokasi impian percutian kepada wanita di Malaysia. Janji manis ini diujarkan bagi mendapatkan kepercayaan agar mangsa percaya bahawa mereka benar-benar dicintai.

**Kesimpulan Implikatur:**

Oleh yang demikian, hasil ujaran penjenayah siber memperlihatkan bahawa janji manis untuk membawa isteri ke London selepas berkahwin bertujuan menguatkan lagi kepercayaan yang ingin diraih daripada wanita yang menjadi mangsa mereka. Hal ini demikian kerana, janji manis berfungsi untuk memerangkap wanita melalui tawaran lokasi impian sebagai destinasi pilihan.

iv. Memperlihatkan Kekayaan

Seterusnya, ujaran memancing mangsa oleh penjenayah siber *Love Scam* juga menggunakan teknik dalam memperlihatkan bahawa mereka seorang lelaki yang kaya dan mempunyai wang ringgit. Antara ujaran ayat yang digunakan adalah (*I can't stay alone with my son, so am going to employ a chef, a cleaner too*) yang diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu sebagai adalah (*Saya tidak tinggal bersendirian dengan anak saya, jadi saya juga mempunyai tukang masak dan tukang cuci juga*).

Andaian Implikatur:

Melalui ujaran ayat yang digunakan oleh penjenayah siber *Love Scam* ini menunjukkan bahawa mereka seorang lelaki yang kaya dari segi harta, wang ringgit dan material. Oleh yang demikian, melalui ujaran ayat yang ditunjukkan adalah pengakuan bahawa mereka mempunyai orang gaji seperti tukang masak dan tukang cuci. Hal ini demikian kerana, situasi kehidupan dengan keberadaan tukang masak dan orang gaji menunjukkan bahawa mereka mempunyai kekayaan yang diidamkan oleh wanita. Melalui ujaran ini penjenayah siber bertujuan memancing wanita yang menjadi mangsa mereka dengan menunjukkan kekayaan supaya wanita tertarik.

Kesimpulan Implikatur:

Ujaran dalam menunjukkan kekayaan bertujuan mendapatkan kepercayaan dan menarik minat mangsa untuk menerima penjenayah siber sebagai kekasih. Mahal, menunjukkan kekayaan juga dapat memberikan harapan kehidupan yang senang kepada mangsa.

v. Menyatakan Cinta yang Tulus

Ketulusan cinta yang ikhlas adalah ungkapan yang dinantikan oleh seseorang wanita. Oleh yang demikian, penjenayah siber *Love Scam* menggunakan ujaran ayat (*We are meant to understand each other when there is true love*) yang diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu adalah (*Saling memahami antara satu sama lain adalah tanda cinta yang sejati*).

Andaian Implikatur:

Ketulusan cinta melalui ujaran ayat oleh penjenayah siber *Love Scam* mempunyai tujuan tersirat dalam memerangkap mangsa wanita. Oleh yang demikian, ujaran ayat yang digunakan adalah menyatakan bahawa perasaan mereka adalah ikhlas dalam mencintai wanita yang menjadi mangsa. Lazimnya, ujaran yang menunjukkan cinta tulus kepada seseorang wanita yang menjadi mangsa bertujuan mendapatkan simpati untuk meminta wang dengan menceritakan masalah atau helah yang mereka cipta selepas mendapat respon yang baik daripada mangsa wanita.

Kesimpulan Implikatur:

Oleh itu, ujaran tentang cinta yang tulus bertujuan mendapatkan kepercayaan sebelum mereka menggunakan helah dalam meminta simpati daripada mangsa wanita. Oleh itu, kepercayaan dalam ujaran bagi menyatakan ketulusan cinta adalah umpan daripada penjenayah siber sebelum mereka menggunakan helah bagi mendapatkan bantuan wang. Khadijah Alavi *et.al*, (2018) menjelaskan faktor utama golongan wanita profesional di Malaysia yang terlibat dalam penipuan cinta siber adalah kerana ketagihan dalam melayari laman sosial. Atas sebab tersebut menyebabkan penjenayah siber mengambil kesempatan untuk menjalinkan hubungan cinta siber terhadap wanita yang menjadi target mereka. Norhayati Mat Ghani (2020) menyatakan bahawa perkara peribadi yang dikongsikan mendedahkan wanita kepada jenayah siber kerana maklumat yang dipaparkan boleh digunakan oleh penjenayah siber untuk melakukan kegiatan jenayah mereka seperti

melakukan penggodaman, membuli mangsa, melakukan penipuan dan menyamar sebagai mangsa. Malah, keciciran maklumat seperti berada dalam keadaan kecewa dalam hubungan cinta, berpisah dengan pasangan yang didedahkan melalui laman sosial memberikan ruang kepada penjenayah siber untuk mendekati wanita tersebut.

*Membincangkan tujuan ujaran dari aspek psikolinguistik penjenayah siber Love Scam.*

Kemudian, objektif kajian kedua bertujuan membincangkan apakah tujuan ujaran yang diungkapkan dalam bentuk teks oleh penjenayah siber *Love Scam* dari aspek psikolinguistik manusia. Hal ini demikian kerana, sesuatu ujaran yang mempunyai helah berkaitan aspek psikologi manusia yang disampaikan melalui bahasa atau proses linguistik. Izan Mohd Yusoff *et. al.*, (2020) menjelaskan psikolinguistik adalah gabungan perkataan psikologi dan linguistik yang bermaksud ilmu yang berkaitan dengan hubungan antara bahasa dengan perilaku dan akal manusia. Izan Mohd Yusoff *et. al.*, (2020) menambah lagi melalui psikolinguistik, bahasa yang digunakan perlulah tersusun dan mempunyai unsur tatabahasa yang baik. Oleh yang demikian, psikolinguistik melihat sesuatu perkara berkaitan bahasa melalui tingkah laku manusia dengan aplikasi penggunaan aspek linguistik dalam teks atau ujaran.

Melalui dapatan data dalam objektif kajian pertama mendapati terdapat beberapa jenis ujaran bahasa yang digunakan dalam memikat kaum wanita di Malaysia. Malah, wanita yang menjadi tumpuan sebagai mangsa dalam kegiatan *Love Scam* untuk mendapatkan wang dengan cara mendapatkan kepercayaan dan cinta daripada mangsa. Khadijah Alavi *et.al* (2020) menjelaskan bahawa ancaman jenayah Penipuan Percintaan (*Love Scam*) merupakan jenayah siber atau komersil yang menasaskan wanita terutamanya wanita profesional hingga mengakibatkan kerugian berjuta ringgit kepada mangsa dan negara. Hal ini demikian kerana, golongan profesional wanita bujang adalah individu yang berusia dan mempunyai kehidupan yang stabil dalam aspek tabungan dan keperluan sara hidup. Oleh yang demikian, melalui pemikiran penjenayah siber mendapati bahawa wanita bujang yang berusia dan mempunyai kerjaya profesional yang stabil memerlukan pasangan dan mudah terjerat dengan ujaran ayat yang manusi.

Hal ini demikian kerana, ujaran ayat manis dalam percintaan adalah salah satu alat komunikasi yang boleh mempengaruhi psikologi seseorang wanita yang dalam kesepian. Oleh itu, kehadiran seseorang boleh memberikan cinta adalah penghilang kesunyian dan dapat menemani mereka yang masih tidak mempunyai pasangan atau keluarga. Malah, faktor usia yang telah meningkat menyebabkan wanita profesional mudah menerima cinta seseorang yang menggunakan ayat-ayat manis melalui ujaran mereka. Khadijah Alavi *et.al* (2020) menambah lagi mangsa terjebak dengan *Love Scam* dalam laman sosial disebabkan beberapa faktor iaitu layanan baik daripada pelaku, sosialisasi, capaian internet yang mudah dan tekanan dalam diri mangsa. Malah, wanita dari aspek perasaan dan hati mereka mudah terpedaya dengan layanan yang baik daripada lawan jenis. Maka, lelaki yang menjadi penjenayah siber *Love Scam* hanya menggunakan ujaran ayat dan janji manis mereka untuk mendapatkan hati kekasih siber yang menjadi mangsa dalam penipuan wang.

Selanjutnya, dalam aspek psikologi wanita adalah individu yang cenderung dan mudah berlembut dengan kebaikan daripada seseorang lelaki yang mendekati mereka. Lazimnya, walaupun seseorang lelaki yang menjadi penjenayah siber *Love Scam* ini tidak pernah ditemui tetapi wanita yang berada dalam keadaan sunyi cenderung terpedaya dengan ujaran manis dalam ungkapan cinta oleh penjenayah. Khadijah Alavi *et.al* (2020) menyatakan bahawa strategi komunikasi yang sering digunakan pelaku untuk memerangkap mangsa adalah melalui penipuan profil, janji manis palsu, penghantaran bungkusan dan menyamar sebagai wakil agensi percukaian. Oleh yang demikian, ujaran manis mampu mempengaruhi wanita yang sedang dilamun cinta maka penjenayah siber juga melakukan aktiviti jenayah lain. Lazimnya, penjenayah siber *Love Scam* juga menawarkan untuk memberikan kekasih mereka hadiah yang telah melibatkan dua jenayah siber dalam satu masa. Hadiah yang diberikan kepada kekasih mereka dikenakan bayaran

keuangan yang mendapat kerjasama penjenayah siber dari Malaysia bagi tujuan komunikasi. Oleh yang demikian, *Love Scam* juga boleh berlaku bersama *parcel scam* yang menggunakan helah pemberian hadiah kepada kekasih yang telah mereka pikat.

Selain itu, laman sesawang seperti *facebook* menjadi platform komunikasi yang mudah diakses oleh penjenayah siber *Love Scam* untuk memanding mangsa wanira. Hal ini demikian kerana melalui media sosial aspek kehidupan mangsa boleh dikaji terlebih dahulu oleh penjenayah siber. Malah, wanita juga cenderung mengujarkan sesuatu dalam kehidupan dalam bentuk teks bertulis melalui laman *facebook*. Khadijah Alavi *et. al.*, (2018) menjelaskan Jaringan laman sesawang merupakan alat yang penting dalam jenayah cinta siber yang tidak mengira bangsa, agama dan budaya mangsa. Oleh yang demikian, mangsa mudah dikenali dari aspek kerjaya, kehidupan dan masalah yang berlaku dalam kehidupan mereka. Apabila seseorang wanita mengalami masalah peribadi maka aspek psikologi mereka juga terjejas. Maka, penjenayah lebih mudah mendekati mangsa yang mengalami masalah peribadi yang dijangka memerlukan teman bagi meluahkan perasaan. Hal ini demikian kerana, psikologi manusia yang berada dalam tekanan amat memerlukan sokongan emosi. Oleh itu, seseorang yang hadir dalam kehidupan mereka menjadi tempat mengurangkan tekanan.

*Mencadangkan langkah bagi mengelakkan daripada penipuan Love Scam di laman sosial.*

Kemudian, objektif kajian ketiga adalah mencadangkan langkah yang perlu diamalkan oleh kaum wanita agar tidak mudah diperdaya oleh penjenayah *Love Scam* untuk mengelakkan kerugian wang daripada hasil jenayah ini. Hal ini demikian kerana, penjenayah siber *Love Scam* sentiasa memerhatikan mangsa mereka untuk mendapatkan wang secara pemujukan menggunakan ujara cinta untuk mempengaruhi emosi dan psikologi wanita di Malaysia. Oleh yang demikian, penggunaan bahasa yang berbeza tidak menjadi halangan kerana wanita yang menjadi sasaran penjenayah siber adalah mempunyai kerjaya yang baik. Maklumat seseorang di media sosial memudahkan penjenayah mengenali dan mengkaji tentang kehidupan mangsa sasaran mereka.

*i. Tidak Mendedahkan Maklumat Diri*

Mendedahkan maklumat diri secara teliti di media sosial boleh memberikan risiko kepada diri individu. Hal ini demikian kerana, pendedahan seperti nama penuh, gambar kad pengenalan yang jelas, nombor kad pengenalan, data akaun bank dan sebagainya boleh digunakan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab untuk kegiatan jenayah. Malah, penjenayah yang mempunyai kemahiran dalam teknologi boleh memanipulasikan data yang diperoleh.

*ii. Tidak Memberikan Nombor Akaun Bank*

Kemudian, nombor akaun bank yang dimiliki oleh individu perlu dilindungi oleh pihak yang tidak dikenali. Kegunaan nombor akaun bank adalah untuk pihak tertentu yang diketahui tujuan dan mempunyai kepastian yang jelas. Pemberian nombor akaun bank kepada pihak yang tidak dikenali boleh menyebabkan individu menjadi keldai dalam pemindahan wang haram.

*iii. Berhati-Hati dengan Pujukan melalui Alam Maya*

Seterusnya, salam perkenalan daripada lelaki yang mencurigakan perlu dielakkan. Wanita harus mengenal pasti kesahihan maklumat diri individu yang menghulurkan perkenalan. Hal ini demikian kerana, penjenayah siber *Love Scam* menghulurkan salam perkenalan kepada wanita yang mudah didekati, dilihat kesepian dan memerlukan teman. Malah, wanita bujang dan janda menjadi sasaran penjenayah siber sebagai mangsa yang mereka jangka dapat memanfaatkan untuk mendapatkan wang.

*iv. Melaporkan kepada Pihak Berwajib*

Selanjutnya, wanita yang sedang berkenalan dengan individu yang mencurigakan melalui laman maya perlu melaporkan kepada pihak berwajib. Malah, tindakan ini boleh menyelamatkan mereka daripada diperdaya oleh penjenayah siber *Love Scam* yang boleh menyebabkan berlakunya kerugian daripada penipuan wang ringgit melalui helah penjenayah

siber. Hal ini demikian kerana, kes jenayah siber telah diketahui dengan jelas oleh pihak berwajib melalui kes lepas yang telah mengakibatkan kerugian yang besar kepada kaum wanita. Oleh itu, pihak berwajib dapat membantu memberikan nasihat kepada wanita yang sedang berada dalam perkenalan siber. Jika berlaku permintaan bantuan kewangan dengan pelbagai helah berlaku dalam tempoh perkenalan cinta yang singkat tanpa pernah bertemu.

## **KESIMPULAN**

Sebagai penutup wacana, maka perlunya setiap individu berhati-hati dalam penggunaan media sosial untuk mengekalkan ditipu pihak yang tidak bertanggungjawab. Terutamanya, kaum wanita yang sering menjadi sasaran penipuan jenayah *Love Scam* di media sosial. Norazlina Zainal Abidin *et.al*, (2018) menjelaskan penipuan cinta dalam talian atau *love scam* merupakan satu bentuk jenayah komersial iaitu penjenayah menyalin hubungan cinta palsu dengan wanita demi menipu dan mengaut keuntungan daripada mangsa dalam bentuk wang atau seksual. Melalui dapatan kajian menunjukkan penjenayah siber yang terlibat dalam aktiviti *Love Scam* menggunakan taktik menggunakan panggilan cinta kepada wanita yang menjadi mangsa mereka, meminta nombor akaun bank tempatan, memberikan janji manis, memperlihatkan kekayaan dan memberikan cinta yang tulus dalam mendapatkan kepercayaan mangsa.

Selanjutnya, penjenayah siber *Love Scam* menggunakan pendekatan melibatkan psikologi dan linguistik wanita untuk mendapatkan kepercayaan serta cinta daripada mangsa. Hal ini demikian kerana, wanita adalah manusia yang suka dilayan dengan kasih sayang, diberikan perhatian dan didekati lawan jenis (lelaki). Oleh itu, golongan wanita sering menjadi target dalam kes *Love Scam* kerana psikologi wanita yang mudah memberikan cinta mereka apabila lelaki memberikan ungkapan cinta yang indah dengan kelembutan. Norazlina Zainal Abidin dan Norazura Din (2018) menjelaskan penipuan cinta dalam talian atau *Love Scam* merupakan satu bentuk jenayah komersial iaitu penjenayah menyalin hubungan cinta palsu dengan wanita demi menipu dan mengaut keuntungan daripada mangsa dalam bentuk wang atau seksual.

Fatin Adha Murad *et.al*, (2019) menjelaskan bahawa jenayah penipuan komersial merupakan suatu masalah yang amat dibimbangi oleh setiap pihak. Oleh yang demikian, penipuan dalam jenayah siber *Love Scam* dapat dikurangkan atau dielakkan dengan usaha wanita di Malaysia melalui amaran yang disampaikan melalui media cetak, media elektronik dan media sosial. Kajian ini mencadangkan agar tidak mendedahkan data peribadi di media sosial yang mudah diakses oleh penjenayah siber, tidak memberikan sebarang nombor akaun bank kepada orang asing, tidak mudah terpedaya dengan pujuk rayu daripada lelaki melalui alam maya serta melaporkan kepada pihak berkuasa jika terdapat sesuatu yang mencurigakan melibatkan jenayah *Love Scam*. Inisiatif ini dapat membantu wanita agar tidak menjadi mangsa penjenayah siber melibatkan aktiviti *Love Scam*.

Selain itu, isu penipuan wanita melalui *Love Scam* dapat dihubungkan dengan aspek psikolinguistik wanita dan Teori Relevans yang berkaitan dengan jenayah. Malah, Linguistik Forensik memainkan peranan yang penting dalam menganalisis dan mencari jalan penyelesaian bagi menangani kes jenayah melibatkan *Love Scam* di Malaysia. Norulwidad Zakaria *et.al*, (2023) menjelaskan dalam Teori Relevans berfokus kepada peristiwa, ujaran dan tindakan yang melibatkan watak dianalisis secara eksplikatur pada peringkat seterusnya. Ujaran daripada penjenayah dapat dilihat dalam aspek relevan, logik dan impak dengan sesuatu niat perkataan disampaikan dalam lisan atau tulisan. Malah, kepentingan Linguistik Forensik adalah kesinambungan yang sesuai dalam melaksanakan analisis melibatkan Teori Relevans.

Konklusinya, kaum wanita perlu lebih berhati-hati dan mengelakkan daripada ditipu oleh penjenayah siber. Malah, informasi dalam talian dan daripada pihak polis bertujuan memberikan pendedahan penting supaya wanita di Malaysia tidak terpedaya dengan tipu helah penjenayah siber. Norazlina Zainal Abidin

*et.al*, (2018) menambah lagi pelbagai medium siber digunakan oleh penjenayah untuk mendekati mangsa sasaran dan media sosial seperti Facebook merupakan salah satu platform yang sering digunakan. Oleh yang demikian, dalam menggunakan media sosial setiap wanita perlu berwaspada dalam memberikan data peribadi, mendedahkan data dan berbual tentang data peribadi dengan individu yang tidak dikenali.

## RUJUKAN

- Amirah Ahmad dan Nor Hashimah Jalaluddin. (2013). Implikatur dalam Kes “Pembunuhan Noritta”: Analisis Teori Relevans. *Jurnal Melayu*. 20-38.
- Casim, Dinda Mega Suci P. Pratomo dan Leti Sundawati. (2019). Kajian Linguistik Forensik Ujaran *Bau Ikan Asin* oleh Galih Ginanjar terhadap Fairuz A. Rafiq. *Jurnal Metabahasa*. Vol.2(1), 22-28.
- Fatin Adha Murad, Mohammad Rahim Kamaluddin, Wan Shahrazad Wan Sulaiman dan Rozainee Khairudin. (2019). Psikologi Kemangsaan Jenayah Penipuan Komersil: Tinjauan Literatur. *Jurnal Psikologi Keselamatan*. Vol.1, 60-86.
- Frans Asisi Datang. (2020). Perspektif Historis dalam Linguistik Forensik. *International Journal of Forensic Linguistics*. Vol. 1 (1), 10–16.
- Izan Mohd Yusoff, Wan Haslinawati Wan Hassan dan Fatin Haminah Rosli. (2020). Psikolinguistik dalam Proses Pembelajaran Bahasa serta Kaitannya dengan Pendidikan Bahasa Arab. Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan ke-5 (PASAK5 2020) – Dalam Talian 24 & 25 November 2020. 255-266.
- Kamarul Azmi Jasmi. (2012). Metodologi Pengumpulan Data dalam Penyelidikan Kualitatif. Kursus Penyelidikan Kualitatif Siri 1 2012 at Puteri Resort Melaka pada 28-29 Mac 2012. Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampus Temenggong Ibrahim, Jalan Datin Halimah, 80350 Johor Bahru, Negeri Johor Darul Ta'zim.
- Kity Karenisa. (2019). Penghinaan terhadap Simbol dan Pejabat Negara dalam Kajian Linguistik Forensik. *Telaga Bahasa*. Vol.7(1), 55-72.
- Khadijah Alavi, Maizatul Haizan Mahbob dan Mohammad Syahrul Azha Soeed. (2020). Strategi Komunikasi Penjenayah Cinta Siber Terhadap Wanita Profesional. *Jurnal Komunikasi*. Vol.36(3), 296-311.
- Khadijah Alavi, Mohammad Syahrul Azha Soeed dan Al-Azmi Bakar. (2018). *Love Scam* di Selangor: Satu Penerokaan Terhadap Modus Operandi Jenayah Siber Ke Atas Wanita Profesional. *Jurnal Pembangunan Sosial*. Vol.21, 105-122.
- Khairul Azhar Meerangani, Muhammad Asyraf Ahmad Termimi, Ahmad Faqih Ibrahim dan Muhammad Hilmi Mat Johar. (2019). Elemen Al-Hirz dan Kedudukannya dalam Jenayah Siber Masa Kini. *Journal of Contemporary Islamic Studies*. Vol.5(1), 55-79.
- Mary Fatimah Subet. (2018). Analisis Teori Relevans dalam Metafora. *Jurnal Melayu*. Vol.18(1), 159-188.
- Muhammad Adnan Pitchan dan Siti Zobidah Omar. (2019). Dasar Keselamatan Siber Malaysia: Tinjauan Terhadap Kesedaran Netizen dan Undang-Undang. *Jurnal Komunikasi*. Vol.35(1), 109-119.
- Muhamad Asyraf Ahmad Termimi, Muhammad Ikhlas Rosele, Khairul Azhar Meerangani, Syamsul Azizul Marinsah dan Mohd Anuar Ramli. (2013). Jenayah Siber: Pengelasan di Antara Al-Jaraim dan Al-Jina'i Menurut Sistem Perundangan Islam. International Seminar on Islamic Jurisprudence in Contemporary Society ISLAC 2013. 539-551.
- Norazlina Zainal Abidin, Mohammad Rahim Kamaluddin, Azianura Hani Shaari, Norazura Din dan Saravanan Ramasamy. (2018). Pengetahuan dan Amalan Perlindungan Pengguna Facebook Wanita Terhadap Penipuan Cinta di Malaysia. *Jurnal Komunikasi*. Vol.34(4), 113-133.
- Norhayati Mat Ghani. (2020). Media Sosial dan Jenayah Siber dalam Kalangan Wanita Muda Melayu di Pulau Pinang. Tesis Doktor Falsafah: Universiti Sains Malaysia.
- Norita Purba. (2018). The Role of Psycholinguistics in Language Learning and Teaching. *Tell Journal*. Vol.6(1), 47-54.
- Nor Hashimah Jalaluddin dan Norsimah Mat Awal. (2006). Citra Lelaki Dulu dan Kini dalam Prosa Melayu: Analisis Teori Relevans. *Jurnal e-Bangi*. Vol.1(1), 1-26.
- Norulwidad Zakaria, Abdul Rasid Jamian dan Ariff Mohamad. (2023). Analisis Teori Relevans: Perwatakan, Nilai dan Pengajaran dalam Novel Jalan Ke Puncak Karya Juri Durabi. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*. Vol.8(4), 1-13.

- Nur Sarida Mohd Fuad @ Mohd Daud dan Ahmad Rizal Mohd Yusof. (2022). Memahami Jenayah Siber dan Keselamatan Siber di Malaysia: Suatu Pemerhatian Terhadap Pandangan Sarjana dan Intelektual. *Asian Journal of Environment, History and Heritage*. Vol. 6(1), 11-26.
- Revi Marta. (2015). Penggunaan Facebook sebagai Media Komunikasi Pemasaran Kain Tenun Songket Silungkang. *Jurnal Masyarakat Telematika dan Informasi*. Vol. 6(2), 147 – 160
- Rujiah Muhiin dan Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff. (2021). Peranan Teori Psikolinguistik dalam Pendidikan Bahasa Arab. *International Journal of Advanced Research in Islamic Studies and Education (ARISE)*. Vol.1(3), 107-116.
- Susanto dan Deri Sis Nanda. (2020). Dimensi Analisis Bahasa dalam Linguistik Forensik. *International Journal of Forensic Linguistics*. Vol. 1 (1), 17–22.
- Zulkufli Ismail dan Azmi Aziz. (2019). Jenayah Cinta Siber di Malaysia: Suatu Penelitian Terhadap Pengalaman Mangsa. *Journal of Social Science and Humanities*. Vol.16(4),1-10.